

Simpanan RM670,000 lesap ditipu Macau Scam

TAIPING - Seorang kerani yang takut dimasukkan ke penjara kononnya terbabit dengan kes penipuan terpaksa 'berputih mata' selepas wang simpanan berjumlah RM670,000 lebur ditipu sindiket Macau Scam.

Kejadian berlaku apabila wanita berusia 77 tahun itu menerima panggilan menerusi aplikasi WhatsApp daripada lelaki yang menyamar sebagai polis pada 15 Mei lalu.

Ketua Polis Daerah Taiping, Asisten Komisioner Osman Mamat berkata, mangsa dimaklumkan Mykad miliknya digunakan untuk



OSMAN

kes penipuan dan akan dipenjarakan bagi kesalahan itu.

"Suspek yang memperkenalkan diri sebagai 'Ah Seng' mengarahkan mangsa untuk membayar RM600,000 hingga RM700,00 sebagai pinjaman untuk menubuhkan satu pasukan polis bagi menyelesaikan kes melibatkan mangsa.

"Mangsa bersetuju kerana takut dimasukkan ke dalam penjara dan suspek mengarahkan mangsa untuk tidak maklumkan perkara itu kepada sesiapa kerana siasatan itu adalah sulit," katanya dalam

kenyataan pada Selasa.

Osman berkata, siasatan mendapati mangsa memindahkan wang simpanan hasil bekerja, wang peninggalan mendiang suami dan hasil pelaburan ke dalam akaun yang diberikan suspek.

"Mangsa mendepositkan dua cek bernilai RM320,000 dan RM350,000 di sebuah bank pada 23 Mei lalu. Mangsa diarahkan suspek untuk memaklumkan kepada pihak bank bahawa wang tersebut digunakan bagi membeli rumah agar tiada pertikaian berlaku ketika berurusan.

"Bagaimanapun mangsa yang mengesyaki telah ditipu membuat laporan polis pada Isnin," katanya.

Menurutnya, kes disiasat mengikut Seksyen 420 Kanun Keseksaan.